

25/08/2002

Siasatan kes Bunyamin selesai

ALOR GAJAH: Polis mengesahkan siasatan terhadap ceramah bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa pada 15 Mac lalu berkaitan dakwaan Perdana Menteri menonton video lucu bersama cucunya sudah selesai.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata sehingga kini, polis hanya perlu mendapatkan rakaman percakapan daripada seorang dua saksi lagi.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya akan cuba mendapatkan pandangan perundangan daripada Peguam Negara dalam jangka masa terdekat ini.

"Mungkin ada yang bertanya kenapa kes ini mengambil masa yang agak lama.

"Kita percaya siasatan sudah selesai dan sehingga kini kita sudah rakam percakapan lebih 20 orang saksi walaupun kes ini nampak mudah," katanya selepas merasmikan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah dan perumahan polis, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Polis negeri, Pemangku Senior Asisten Komisioner (SAC) 1 Christopher Wan Soo Kee dan timbalannya, SAC II Samsudin Sulaiman.

Kompleks IPD Alor Gajah dibina di kawasan seluas 8.6 hektar dilengkapi bangunan pejabat, kemudahan asas, padang kawat dan 194 rumah pegawai kanan polis.

Projek pembinaan dimulakan pada Disember 1999 membabitkan kos sebanyak RM22 juta. Kompleks perumahan polis mula diduduki pada 1 September tahun lalu manakala IPD pula mula beroperasi pada 1 Jun lalu.

Rabu lalu, Bunyamin, 56, yang lebih seminggu gagal dikesan polis hadir di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Kelantan bagi memberi kenyataan.

Dalam ceramahnya, penceramah Pas antara lain didakwa menyebut kononnya Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucu bersama cucunya.

Siasatan terhadap Bunyamin mengikut Akta Hasutan 1948 yang dijalankan sejak awal bulan ini terhenti apabila polis gagal mendapatkan keterangannya selaku individu yang bertanggungjawab membuat dakwaan itu.

Sementara itu, ditanya mengenai kegiatan Al-Arqam kini, Norian berkata, polis tidak menghalang kegiatan anggota Al-Arqam yang kini dilihat menjalankan kegiatan perniagaan.

"Kita ada menerima maklumat dan serahkan kepada pihak lebih berkuasa iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) kerana kita menganggap personaliti yang menggerakkan Al-Arqam tidak menimbulkan ancaman atau menjejaskan keselamatan," katanya.